

ENDORSMEN KERETA SEWAAN PERSENDIRIAN (BUKAN TARIF)

Sebagai pertimbangan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi **Endorsmen** ini, **Kami** bersetuju bahawa terma-terma **Polisi** ini telah dipinda seperti yang dinyatakan di bawah.

'Had Penggunaan' seperti yang ditakrifkan di bawah **Sijil Insurans (CI)** dan dijelaskan di bawah **Seksyen F/G: Takrif perkataan yang ditandakan di dalam Polisi / Seksyen 10: Definisi-definisi** adalah dipinda bagi merangkumi penggunaan **Kereta** bagi pengangkutan penumpang untuk sewaan dan tambang di bawah suatu lesen **Servis E-Hailing** bagi sepanjang tempoh **Kereta** tersebut dipandu oleh seorang **Pemandu Sewa Persendirian Dibenarkan** untuk kenderaan ini, dengan cara yang berikut:

TEMPOH PERLINDUNGAN

Tarikh berkuatkuasa **Endorsmen Kereta Sewaan Persendirian**:

seperti tarikh berkuatkuasa **Endorsmen Kereta Sewaan Persendirian** yang dinyatakan dalam jadual / jadual **endorsmen**

Tarikh luput **Endorsmen Kereta Sewaan Persendirian**:

seperti tarikh luput **Endorsmen Kereta Sewaan Persendirian** yang dinyatakan dalam jadual / jadual **endorsmen**

SYARAT BAGI ENDORSMEN INI

Perlindungan di bawah **Polisi** ini adalah dilanjutkan oleh **Endorsmen** ini dengan syarat bahawa **Kereta** tersebut adalah dilesenkan secara penuh oleh **APAD** dan/atau **LPKP** selaras dengan peruntukan pelesenan kedua-duanya bagi **Servis E-Hailing** untuk kereta persendirian (iaitu '**Sewaan Persendirian**'), dan di mana kesemua peruntukan pengawalseliaan atau pentadbiran untuk penggunaan bagi '**Sewaan Persendirian**' adalah dipatuhi dengan sepenuhnya.

Sebarang pembatasan perlindungan berkenaan dengan '**Sewaan Persendirian**' seperti yang dinyatakan dalam **Polisi** ini adalah terbatal apabila **Endorsmen** ini berkuatkuasa.

Perlindungan ini adalah terhad kepada sempadan geografi Malaysia, serta sebarang had operasi secara geografi yang mana akan atau mungkin akan dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa pentadbiran atau pelesenan.

I) KEJADIAN YANG KAMI LINDUNGI DI BAWAH ENDORSMEN INI

Setiap perlindungan yang telah diambil di bawah **Polisi** ini akan diguna pakai semasa **Kereta** tersebut "**On Call**" ketika mengendalikan **Servis E-Hailing** yang sah. Sebagai tambahan, perlindungan insurans yang diperlukan oleh **APAD** dan/atau **LPKP** adalah diberikan secara khusus melalui **Endorsmen** ini sepanjang tempoh **Kereta** tersebut "**On Call**". Tahap perlindungan ini adalah dijelaskan sepenuhnya di bawah Seksyen III 'Perlindungan Lanjutan Tambahan':

- (i) Kerugian atau Kerosakan pada **Kereta Anda** Sendiri (seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen A / Seksyen 1 **Polisi** tersebut)
- (ii) Liabiliti terhadap Pihak Ketiga (seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen B / Seksyen 2 **Polisi** tersebut)
- (iii) Liabiliti dari segi undang-undang terhadap **Penumpang yang Membayar Tambang**
- (iv) Perlindungan Kemalangan Peribadi sebanyak RM25,000 yang disebabkan oleh kecederaan atau kematian akibat kemalangan **Pemandu E-Hailing Dibenarkan** semasa memandu **Kereta** tersebut
- (v) Liabiliti **Penumpang yang Membayar Tambang** Di Sisi Undang-Undang kerana Perbuatan Cuai

II) DEFINISI TERMA-TERMA TAMBAHAN

Pemandu E-Hailing Dibenarkan – Mana-mana pemandu yang berdaftar dan berlesen dengan **APAD** dan/atau **LPKP** dan yang diberi kuasa oleh pengendali **Servis E-Hailing** bagi tujuan melaksanakan **Servis-Servis E-Hailing** dengan menggunakan **Kereta** ini dan dengan kebenaran Pemegang Polisi untuk berbuat demikian.

LPKP – Pihak berkuasa pelesenan di Malaysia Timur untuk kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam iaitu Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.

Aplikasi E-Hailing – Aplikasi mudah alih elektronik yang dikendalikan oleh suatu perniagaan pengantaraan.

Servis-Servis E-Hailing – Perniagaan sah yang dilesenkan oleh **APAD** dan/atau **LPKP** untuk membawa penumpang dalam kereta persendirian untuk satu fi dan yang diaturkan melalui suatu **Aplikasi E-Hailing**. Deskripsi "**Servis-Servis E-Hailing**" dan "**Sewaan Persendirian**" adalah secara sinonim dan terpakai dalam konteks.

Penumpang yang Membayar Tambang – Penumpang yang membayar tambang untuk dibawa dalam **Kereta** tersebut melalui satu panggilan **Servis E-Hailing** bersama dengan setiap orang yang mengiringi mereka dalam perjalanan yang sama.

"**On Call**" – Tempoh dari masa **Pemandu E-Hailing Dibenarkan** daftar masuk ke **Aplikasi E-Hailing** sehingga:

- (i) **Penumpang yang Membayar Tambang** yang terakhir bagi perjalanan terakhir telah keluar atau turun sepenuhnya dari **Kereta** e-hailing, atau
- (ii) apabila perjalanan terakhir melalui **Aplikasi E-Hailing** telah tamat atau telah dibatalkan melalui **Aplikasi E-Hailing**, atau
- (iii) apabila pemandu e-hailing keluar daripada **Aplikasi E-Hailing** (iaitu **Pemandu E-Hailing Dibenarkan** tidak lagi tersedia untuk **Sewaan Persendirian** atau untuk menerima sebarang perjalanan e-hailing), yang mana yang berlaku kemudian.

AmGeneral Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Ahli Kumpulan AmBank

Menara Shell, No. 211, Jalan Tun Sambanthan, 50470, Kuala Lumpur, Malaysia. Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 W.P. Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 1 800 88 3833 Emel: customer@kurnia.com Laman Web: www.kurnia.com

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Sewaan Persendirian – Lesen yang diberikan oleh **APAD** dan/atau **LPKP** yang membenarkan suatu kereta persendirian digunakan untuk perniagaan pengangkutan penumpang untuk satu fi di bawah **Servis E-Hailing**.

APAD – Pihak berkuasa pelesenan untuk kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam iaitu Agensi Pengangkutan Awam Darat.

III) PERLINDUNGAN LANJUTAN TAMBAHAN

(i) Kerugian atau Kerosakan pada Kereta Anda Sendiri

Perlindungan untuk kerugian atau kerosakan pada **Kereta Anda** sendiri akan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Seksyen (A) / Seksyen 1 Kerugian atau Kerosakan pada **Kereta Anda** sendiri, di bawah **Polisi** utama selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang mana telah dikeluarkan, melainkan di mana perlindungan tersebut kini terpakai apabila **Kereta** tersebut "**On Call**".

(ii) Liabiliti terhadap Pihak Ketiga

Perlindungan untuk **Liabiliti terhadap Pihak Ketiga** akan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Seksyen (B) / Seksyen 2 Liabiliti terhadap Pihak Ketiga, di bawah **Polisi** utama selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang mana telah dikeluarkan, melainkan di mana perlindungan tersebut kini terpakai apabila **Kereta** tersebut "**On Call**".

(iii) Liabiliti dari Segi Undang-Undang terhadap Penumpang yang Membayar Tambang

Kami akan membayar atas liabiliti **Anda** atau **Pemandu E-Hailing Dibenarkan Anda** terhadap mana-mana **Penumpang yang Membayar Tambang** yang dibawa di dalam atau semasa menaiki atau memasuki atau turun dari **Kereta** tersebut kecuali bagi:

- kerosakan terhadap harta kepunyaan atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada **Anda** atau **Pemandu E-Hailing Dibenarkan Anda** dan/atau mana-mana ahli keluarga **Anda** atau ahli keluarga **Pemandu E-Hailing Dibenarkan Anda** melainkan jika mereka telah dibawa untuk sewaan atau mengutip tambang semasa **Servis E-Hailing**;
- apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam; dan
- semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak bertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam; dan
- semua liabiliti yang terbangkit daripada sebarang serangan sentuhan, rompakan, bantuan perubatan yang diberi semasa kecemasan dan/atau sebarang penangguhan yang disebabkan atau disumbangkan oleh **Anda** atau **Pemandu E-Hailing Dibenarkan Anda**; dan
- semua liabiliti yang disebabkan atau disumbangkan oleh pengendali **Servis E-Hailing** dan/atau kegagalan **Aplikasi E-Hailing** tersebut; dan
- sebarang kerugian turutan yang terbangkit akibat apa-apa yang tersebut di atas.

(iv) Perlindungan Kemalangan Peribadi untuk Pemandu E-Hailing Dibenarkan

la adalah difahamkan dan dipersetujui bahawa Syarikat akan membayar pampasan untuk kecederaan badan yang dialami oleh **Pemandu E-Hailing Dibenarkan** semasa "**On Call**" sahaja atas syarat bahawa (1) kecederaan badan tersebut adalah khususnya dan secara bebasnya disebabkan oleh cara-cara yang ganas tidak sengaja secara luaran dan dengan cara yang boleh dilihat (tidak termasuk rawatan perubatan atau pembedahan yang disebabkan oleh kecederaan tersebut) dan (2) di mana kecederaan badan mengakibatkan kecederaan yang boleh dibayar seperti berikut dalam masa tiga bulan kalendar daripada **Kejadian** tersebut:

Kecederaan yang Boleh Dibayar		Skala Pampasan (RM)
1	Kematian	25,000
2	Kehilangan penglihatan kedua-dua mata yang penuh dan tidak dapat dipulihkan	25,000
3	Kehilangan penuh secara pemutusan fizikal pada atau atas pergelangan tangan atau buku lali kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki atau satu tangan bersama dengan satu kaki	25,000
4	Kehilangan penuh secara pemutusan fizikal pada atau atas pergelangan tangan atau buku lali satu tangan atau satu kaki bersama dengan kehilangan penglihatan satu mata yang penuh dan tidak dapat dipulihkan	25,000
5	Kehilangan penglihatan satu mata yang penuh dan tidak dapat dipulihkan	12,500
6	Kehilangan penuh secara pemutusan fizikal pada atau atas pergelangan tangan atau buku lali satu tangan atau satu kaki	12,500

Dengan syarat sentiasa bahawa:

- Pampasan akan dibayar di bawah salah satu daripada Kecederaan yang boleh Dibayar tersebut sahaja berkenaan dengan mana-mana seorang akibat daripada mana-mana satu kejadian. Jumlah liabiliti Syarikat tidak akan dalam agregat melebihi jumlah RM25,000 bagi mana-mana satu **Tempoh Insurans**.
- Tiada pampasan akan dibayar berkenaan kematian atau kecederaan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya yang terbangkit atau diakibatkan atau dapat dikesan berkenaan dengan (1) kecederaan sendiri yang disengajakan, bunuh diri (sama ada secara feloni atau tidak) atau percubaan bunuh diri, kecacatan atau kelemahan fizikal atau (2) suatu kemalangan yang berlaku semasa seseorang itu berada di bawah pengaruh minuman keras yang memabukkan atau dadah.

- c) Tiada pampasan akan dibayar sekiranya **Pemandu E-Hailing Dibenarkan** tersebut tidak diberikuasa oleh pemilik kereta dan pembekal **Servis E-Hailing** pada masa **Kejadian** tersebut yang mengakibatkan kecederaan tersebut.

Tertakluk juga kepada terma-terma **Polisi** ini.

(v) Liabiliti Penumpang yang Membayar Tambang Di Sisi Undang-Undang kerana Perbuatan Cuai

Kami bersetuju bahawa insurans yang diperuntukkan di bawah Seksyen B / Seksyen 2 **Polisi** ini akan termasuk liabiliti undang-undang untuk mana-mana kemalangan terhadap satu pihak ketiga yang disebabkan oleh seorang penumpang **Kereta Anda** semasa perjalanannya sebagai seorang **Penumpang yang Membayar Tambang** dalam **Kereta Anda** dengan syarat bahawa penumpang tersebut:

- a. tidak memandu **Kereta Anda**;
- b. tidak berhak untuk mendapat indemniti di bawah sebarang polisi insurans yang lain; dan
- c. mematuhi kesemua terma-terma dan syarat-syarat **Polisi** ini seakan-akan dia ialah **Anda**.

Endorsmen ini tidak melindungi:

- a. kematian atau kecederaan tubuh badan terhadap sesiapa yang bekerja dengan **Anda** atau penumpang, dan orang itu meninggal atau cedera semasa melaksanakan kontrak pekerjaannya;
- b. kerosakan harta kepunyaan atau yang diamanahkan atau berada dalam jagaan atau kawalan **Anda** atau penumpang atau ketika dibawa di dalam **Kereta Anda**; dan/atau
- c. kematian atau kecederaan tubuh badan kepada pemandu atau mana-mana penumpang lain di dalam **Kereta Anda** pada masa yang sama.

IV) BAYARAN BALIK PREMIUM

Anda layak mendapat bayaran balik sebahagian premium sekiranya tiada tuntutan dibuat sebelum pembatalan **Endorsmen** ini. Bayaran balik premium **Anda** bagi baki tempoh yang tidak diberi perlindungan akan dikira secara pro rata dari tarikh pembatalan **Endorsmen** ini hingga ke tarikh luput **Polisi** ini.

V) TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT POLISI YANG DIGUNA PAKAI SECARA AM

Kesemua terma-terma dan syarat-syarat yang lain yang diperuntukkan di bawah **Polisi** ini adalah tidak berubah.

VI) PERCANGGAHAN PERKATAAN DALAM ENDORSMEN

Bagi mengelakkan kekeliruan, versi Endorsmen Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Endorsmen Bahasa (Malaysia) Melayu ini pada setiap masa.